

Garis Panduan
Skim Pinjaman Yuran Pengajian Di Luar Negara Sesi 2/2012
Untuk Peringkat Ijazah Pertama

1. Prinsip Dan Konsep Pinjaman

- 1.1 Kerajaan pada prinsipnya mengalakkan pelajar-pelajar mengikuti pengajian di dalam negara selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu. Sehingga kini terdapat 20 buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan lebih 500 Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan pelbagai bidang pengajian kepada pelajar. Sungguhpun demikian, kerajaan menerima banyak permohonan daripada pelajar-pelajar persendirian yang sedang mengikuti pengajian di luar negara untuk mendapatkan bantuan kewangan. Sehubungan itu, kerajaan meluluskan Skim Pinjaman Yuran Pengajian Di Luar Negara Untuk Peringkat Ijazah Pertama bagi meringankan beban kewangan pelajar-pelajar persendirian di luar negara tertakluk kepada syarat dan kriteria yang tertentu.
- 1.2 Kemudahan pinjaman yang disediakan adalah berkonsepkan *cost sharing* di mana JPA akan membiayai yuran pengajian sahaja tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM 250,000.00 seorang bagi Program Pinjaman Khas Perubatan dan maksimum RM 200,000.00 seorang bagi Program Pinjaman Biasa. Had ini ditetapkan agar tidak membebankan pelajar-pelajar untuk membuat bayaran balik selepas tamat pengajian nanti. Lain-lain kos seperti bayaran yuran pengajian yang melebihi daripada jumlah pinjaman, sara hidup, rawatan kesihatan, tambang perjalanan, alat tulis, buku dan kerugian pertukaran wang asing adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.

1.3 Permohonan kemudahan pinjaman ini dibuka dua sesi setahun seperti berikut:

- Sesi Pertama - Permohonan dibuka pada 1 Februari dan ditutup pada 29 Februari.
- Sesi Kedua - Permohonan dibuka pada 1 Julai dan ditutup pada 31 Julai.

2. Jenis-Jenis Pinjaman

Jenis-jenis pinjaman yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

2.1 Pinjaman Khas Perubatan

- Pinjaman ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian dalam Bidang-Bidang Kritikal seperti yang dinyatakan di para 3.1 iaitu bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi. Pelajar-pelajar yang mendapat kemudahan pinjaman ini boleh dikecualikan daripada membayar balik pinjaman tersebut sekiranya pelajar bersetuju mengikat kontrak untuk berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama 10 tahun selepas menamatkan pengajian dengan jayanya.

2.2 Pinjaman Biasa

- Pinjaman ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian dalam Bidang-Bidang Keutamaan dan Bidang-Bidang Lain seperti yang dinyatakan di para 3.2 dan 3.3. Pelajar-pelajar yang mendapat kemudahan pinjaman ini dikehendaki untuk membayar balik keseluruhan jumlah pinjaman selepas menamatkan pengajian.

3. Bidang-Bidang Pengajian Yang Ditaja

Bidang-bidang pengajian yang ditaja terbahagi kepada 3 kategori umum seperti berikut:

3.1 Bidang-Bidang Kritikal

- Perubatan
- Pergigian
- Farmasi

3.2 Bidang-Bidang Keutamaan

- Sains Veterinar
- Sains dan Teknologi (kecuali Sains Komputer dan Teknologi Maklumat)
- Kejuruteraan (kecuali Elektrikal & Elektronik, Mekanikal dan Awam)
- Senibina/ RIBA Part II
- Perakaunan/ ACCA

3.3 Bidang-Bidang Lain (Sains Sosial & Sastera Ikhtisas)

- Undang-undang
- Ekonomi
- Kewangan/ Perbankan/ Pemasaran/ Perniagaan Antarabangsa
- Perhubungan Antarabangsa
- Komunikasi

Kursus-kursus yang ditaja hanya terdiri daripada kursus-kursus yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sahaja. Semakan pengiktirafan boleh dibuat melalui Portal JPA di laman sesawang <http://pengiktirafan.jpa.gov.my/>.

4. Syarat-Syarat Dan Kriteria Permohonan

4.1 Syarat-Syarat Umum

- Warganegara Malaysia;
- Berumur di bawah 25 tahun pada 1 Januari pada tahun semasa permohonan dibuat;
- Belum mempunyai Ijazah Pertama;
- Ibu/ bapa/ adik-beradik/ pelajar bukan merupakan peminjam/ penjamin tegar kepada mana-mana skim pinjaman/ biasiswa kerajaan;
- Ibu/ bapa/ adik-beradik/ pelajar tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dan tidak disenarai hitamkan dalam mana-mana skim pinjaman kerajaan;
- Ibu/ bapa/ adik-beradik/ pelajar tidak pernah melanggar mana-mana kontrak biasiswa kerajaan;
- Hanya seorang daripada ahli keluarga sahaja yang layak mendapat pinjaman pada satu-satu masa. Permohonan ahli keluarga yang lain hanya akan dipertimbangkan selepas peminjam sebelumnya telah membuat bayaran balik pinjaman sekurang-kurangnya 6 bulan; dan
- Bagi program berkembar, pinjaman hanya diberikan untuk tempoh pengajian di luar negara sahaja.

4.2 Syarat-Syarat Khusus

- **Bidang-Bidang Kritisal**

- ❖ Negara Pengajian - Ireland/ United Kingdom/ Australia/ New Zealand

- Program Sepenuh Masa

- ✓ Telah menyempurnakan pengajian tahun pertama dan kedua di luar negara;
- ✓ Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek pada tahun-tahun terdahulu;
- ✓ Telah diterima masuk ke tahun ketiga pengajian di luar negara; dan
- ✓ Mengemukakan keputusan peperiksaan tahun pertama dan kedua semasa permohonan dikemukakan ke JPA.

- Program Berkembar

- ✓ Program Berkembar PMC-IRELAND

- Telah menyempurnakan pengajian tahun pertama di luar negara;
- Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek pada tahun-tahun terdahulu;
- Telah diterima masuk ke tahun dua pengajian di luar negara; dan

- Mengemukakan keputusan pemeriksaan tahun pertama semasa permohonan dikemukakan ke JPA.

✓ Program Berkembar IMU

- Telah menyempurnakan pengajian peringkat pra-klinikal di dalam negara dan satu semester pengajian di luar negara;
- Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek pada tahun-tahun terdahulu;
- Telah diterima masuk ke tahun tiga pengajian di luar negara; dan
- Mengemukakan keputusan pemeriksaan peringkat pra-klinikal dan semester pertama di luar negara semasa permohonan dikemukakan ke JPA.

❖ Negara Pengajian : Indonesia/ India/ Timur Tengah/ Rusia/ Republik Czech

○ Program Sepenuh Masa

- ✓ Telah menyempurnakan pengajian tahun pertama di luar negara;
- ✓ Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek pada tahun-tahun terdahulu;
- ✓ Telah diterima masuk ke tahun dua pengajian di luar negara;

- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.00 atau setaraf bagi peperiksaan tahun pertama di luar negara; dan
 - ✓ Mengemukakan keputusan peperiksaan tahun pertama semasa permohonan dikemukakan ke JPA.
- Program Berkembar
- ✓ Program Berkembar MELAKA MANIPAL MEDICAL COLLEGE (MBBS)
 - Telah menyempurnakan pengajian tahun pertama di luar negara;
 - Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek pada tahun-tahun terdahulu;
 - Telah diterima masuk ke tahun dua pengajian di luar negara;
 - Mendapat sekurang-kurangnya markah 75% pada peperiksaan tahun pertama; dan
 - Mengemukakan keputusan peperiksaan tahun pertama semasa permohonan dikemukakan ke JPA.

- Bidang-Bidang Keutamaan dan Bidang-Bidang Lain
 - ❖ Program Sepenuh Masa/ Program Berkembar/ Pindahan Kredit
 - ✓ Telah menyempurnakan pengajian semester pertama di luar negara (bagi pelajar lepasan diploma/ perpindahan kredit) atau setahun pengajian di luar negara (bagi pelajar lepasan pra-universiti), kecuali bagi pelajar-pelajar program 2 + 1 boleh memohon menggunakan keputusan peperiksaan CGPA tahun 2;
 - ✓ Tidak pernah gagal dalam mana-mana subjek pada tahun-tahun terdahulu;
 - ✓ Telah diterima masuk ke semester atau tahun pengajian seterusnya di luar negara;
 - ✓ Mendapat sekurang-kurangnya CGPA 2.50 atau setaraf bagi kursus senibina; atau CGPA 2.75 atau setaraf bagi kursus-kursus lain; dan
 - ✓ Mengemukakan keputusan peperiksaan semester pertama atau tahun pertama di luar negara semasa permohonan dikemukakan ke JPA.

5. Bayaran Balik Pinjaman

- 5.1 Bayaran balik pinjaman perlu dibuat selepas pelajar berjaya menamatkan pengajian atau ditamatkan pengajian kerana sebab-sebab seperti kelemahan akademik, sakit dan sebagainya. Bayaran secara ansuran bulanan adalah berdasarkan jumlah pinjaman yang dibuat.

- 5.2 Contoh jadual bayaran balik pinjaman sekiranya meminjam sebanyak RM250,000 dan RM200,000 adalah seperti berikut:-

Jenis Pinjaman	Jumlah Pinjaman	Bayaran Ansuran Bulanan
PINJAMAN KHAS PERUBATAN	RM 250,000.00	RM 600.00*60 Bulan
		RM 800.00*100 Bulan
		RM 1000.00*134 Bulan
PINJAMAN BIASA	RM 200,000.00	RM 400.00*40 Bulan
		RM 600.00*120 Bulan
		RM 800.00*140 Bulan

6. Maklumat Permohonan Sesi 2/2012

6.1 Tarikh Permohonan Dibuka/ Ditutup

Permohonan bagi sesi 2/2012 akan dibuka pada 1 Julai 2012 dan ditutup pada 31 Julai 2012.

6.2 Cara Membuat Permohonan

Permohonan hendaklah dibuat secara *online* di Portal JPA di www.jpa.gov.my atau di Portal eSILA <http://esilav2.jpa.gov.my/> dan disusuli dengan penghantaran dokumen-dokumen sokongan.

6.3 Penghantaran Dokumen-Dokumen Sokongan

Penghantaran dokumen-dokumen sokongan (*hardcopy*) hendaklah sampai ke JPA sebelum tarikh 10 Ogos 2012.

Dokumen-dokumen sokongan yang perlu disertakan ialah seperti berikut:-

- a) Slip pengesahan penerimaan permohonan *online*;
- b) Salinan Kad Pengenalan (Pelajar, ibubapa/ penjaga & adik-beradik);
- c) Salinan Surat Beranak (Pelajar & ibubapa/ penjaga);
- d) Salinan Pasport (Pelajar);
- e) Salinan surat tawaran kemasukan ke universiti/ institusi (*Unconditional Offer*) dan disertakan maklumat kos yuran pengajian setahun dan sepanjang pengajian;
- f) Salinan keputusan peperiksaan peringkat Ijazah Pertama untuk tahun-tahun sebelumnya;
- g) Salinan Sijil STPM/ Matrikulasi/ Asasi/ Diploma /A-Level /IB /TER /Lain-lain yang setaraf;
- h) Salinan Sijil SPM;
- i) Salinan "No Objection Certificate (NOC)" daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk kursus perubatan, pergigian dan farmasi sahaja;
- j) Maklumat pendapatan ibu bapa/ penjaga seperti berikut:
 - Kerajaan Slip gaji dan Borang EC (penyata pendapatan tahunan) terkini atau Kad Pesara berserta Penyata Pembayaran Pencen terkini

- Swasta Slip gaji dan Borang EA (penyata pendapatan tahunan) terkini atau Surat Pengesahan Persaraan

- Bekerja Sendiri Borang Pengesahan Pendapatan (boleh dimuat turun di esilav2.jpa.gov.my) dan Borang B (LHDN)

k) Salinan bukti bagaimana pemohon dapat menampung kos sara hidup dan lain-lain kos semasa mengikuti pengajian di luar negara. Contoh: salinan buku penyata bank, ASB dan lain-lain.

Semua dokumen sokongan mestilah disusun mengikut turutan seperti di Para 6, dikepilkan (*comb-binding*) dan disahkan oleh Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan dihantar ke alamat seperti berikut:

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 5, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
(u.p: Unit Penawaran Latihan Sebelum Perkhidmatan)

Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

6.4 Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan sesi 2/2012 akan dimaklumkan secara *online* di Portal JPA pada **28 September 2012**.

7. Hak JPA

- 7.1 Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar kerajaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, JPA tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan;
- 7.2 JPA berhak untuk membuat sebarang perubahan kepada kemudahan pinjaman yang disediakan pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu;
- 7.3 JPA berhak menarik balik tawaran pinjaman sekiranya didapati pemohon memberi maklumat palsu; dan
- 7.4 Permohonan yang tidak lengkap, tidak menepati arahan dan tidak memenuhi syarat kelayakan sebagaimana yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.
- 7.5 JPA tidak berurusan dengan mana-mana agensi penempatan pelajar berhubung dengan permohonan di bawah skim ini.

8. Pertanyaan

- 8.1 Sebarang pertanyaan mengenai permohonan Skim Pinjaman Yuran Pengajian Luar di Negara boleh dibuat dengan menghubungi:

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 5, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
(u.p: Unit Penawaran Latihan Sebelum Perkhidmatan)
Tel :03-8885 3892/ 3562/ 3564/ 3489
Faks :03-8889 2640
E-mail : penawaranlsp@jpa.gov.my

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Jun 2012